

Tuah, Gemilang percepat bina Smart

Oleh Masrina Mohd Yunos

*Projek
dijangka
siap
sepenuhnya
2007*

KUALA LUMPUR: Kerja pembinaan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (Smart) bernilai hampir RM2 bilion yang dimulakan 1 Januari 2003, kini siap 39 peratus iaitu dua peratus lebih awal daripada jadual.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah, berkata pembinaan terowong itu berjaya dipercepatkan daripada tempoh dijangka dengan penggunaan dua mesin pengorek terowong (TBM) iaitu Tuah dan Gemilang.

Katanya, TBM pertama iaitu Tuah akan memulakan kerja pembinaan terowong fasa kedua pada akhir Januari ini membabitkan jarak sejauh 4.493 kilometer bermula dari North Junction Box

(Jalan Cochrane) sehingga Kampung Berembang di belakang Pusat Perubatan Gleneagle Jalan Ampang.

"Pada 11 Disember lalu, Tuah berjaya melepasi fasa pertama menamatkan kerja pembinaan terowong sepanjang 734 meter di North Junction Box di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur," katanya di sini.

Smart adalah projek terowong bawah tanah sepanjang 9.7 kilometer dari Sungai Ampang/Sungai Klang melalui Kampung Pandan, Lebuhraya Utara Selatan dekat Sungai Besi ke kolam tadahan di Desa Water Park, Taman Danau Desa dan disalurkan ke Sungai Kerayong.

Selain memudahkan saliran air hujan dari hulu Sungai Klang, terowong itu juga mempunyai laluan dua tingkat untuk kenderaan awam dari Kampung Pandan

ke Lebuhraya Utara Selatan di Sungai Besi.

Konsep terowong dwifungsi itu adalah yang pertama di dunia, manakala terowong dengan garis pusat luar 13.2 meter adalah yang kedua terbesar di Asia.

Projek bernilai RM1.93 bilion itu dilaksanakan secara bersama oleh JPS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan pembinaan dilakukan secara usaha sama oleh MMC Engineering Group Bhd-Gamuda Bhd.

Keseluruhan projek dijangka siap sepenuhnya pada 2007, tetapi disebabkan banjir teruk terus melanda ibu kota, projek itu dipercepatkan.

Keizrul berkata, kerja penerowongan TBM kedua, Gemilang di sebelah Selatan dimulakan pada Ogos tahun lalu sehingga kini sudah siap menggali jarak sejauh 500 meter.



Keizrul Abdullah

"Kami juga sudah melakukan kerja pembinaan struktur untuk laluan terowong keluar dan masuk bagi motosikal di Lebuhraya KL-Seremban sejauh tiga kilometer.

"Penyediaan untuk jalan lencongan membabitkan pusingan 'U' di Lebuhraya Besraya-KL-Seremban sedang giat dilakukan bagi memudahkan pergerakan kenderaan berkenaan," katanya.